

09/09/1997

Perwakilan elak sentuh isu agama

Radzi Wahab; Jamhariah Jaafar

MASYARAKAT Melayu digesa mengubah pemikiran mereka supaya sejajar dengan arus perubahan perdana bagi menjamin maruah bangsa serta ketuanan orang Melayu tidak terjejas. Namun, apakah semua itu terpancar dalam konteks perbahasan yang ditampilkan dalam Perhimpunan Agung Umno yang berakhir kelmarin?

Umumnya, sepanjang tempoh tiga hari berbahas, perwakilan gagal untuk mengajak ahli Umno bersama-sama menghayati perubahan berfikir yang cuba diterapkan oleh Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Lantaran itu, tidak hairanlah apabila Dr Mahathir yang dianggap sebagai pelopor budaya Melayu baru, menegur perwakilan yang mengambil bahagian dalam perbahasan ucapan dasarnya yang dianggapnya terlalu hambar.

Malah, lebih daripada itu, perwakilan sebenarnya gagal untuk menggapai intipati ucapan Perdana Menteri itu yang cuba mengajak mereka berbicara mengenai budaya orang Melayu, terutama kepentingan nilai agama.

Seperti katanya: "Saya cuba ulas soal budaya tetapi malangnya, tidak begitu ramai yang bincang berkenaan budaya dan peranan yang dimainkan oleh agama dalam pembentukan peribadi yang boleh mencapai kejayaan."

Keadaan ini berlaku mungkin kerana delegasi perwakilan berpendapat yang topik budaya dan agama terlalu akademik dan lantaran itu menyematkan rasa kurang keyakinan untuk membicarakannya.

Oleh itu, tidak hairanlah apabila perwakilan itu menghadapi masalah untuk membahaskan isu agama, terutama perkara yang membabitkan soal aurat atau menyimpan janggut.

Mereka percaya perkara agama terlalu sensitif untuk dibahaskan lantaran orang Melayu memang sejak dari dulu lagi terkenal dengan sikap yang menyanjung agama.

Bagaimanapun, Dr Mahathir menegaskan membicarakan perkara itu secara terbuka sebenarnya tidak menjadikan mereka kurang Islam.

Kenyataan itu tidak boleh ditafsirkan sebagai menunjukkan beliau menentang al-Quran. Tetapi selepas membawa negara ke suatu tahap tertinggi, Dr Mahathir tentunya mempunyai pandangan yang lebih jauh kerana beliau melihat sesuatu perkara itu daripada sudut perspektif yang lebih luas dan berbeza.

Ini kerana baginya, perjuangan orang Melayu dalam Umno ialah untuk menegakkan agama Islam, membuktikan Islam tidak menjadi penghalang kepada kemajuan di samping berusaha jadikan umat Islam sebagai masyarakat bahagia, terpilih dan berjaya.

Timbul juga bunyi-bunyi sumbang idea dan wawasan Dr Mahathir terlalu tinggi, sukar digapai dan dikejar oleh perwakilan.

"Wawasan Dr Mahathir terlalu jauh dan terlalu kompleks untuk dikupas dengan lebih bijaksana dan terperinci oleh perwakilan. Hanya satu atau dua orang yang memahami kehendak Perdana Menteri, tetapi ramai yang keliru. Tidak tahu sama ada segan, takut atau tidak tahu bagaimana untuk mengupas pendapat Presiden dengan mendalam, tanpa menunjukkan bahawa mereka sendiri tidak arif dalam soal yang dibicarakan," luah beberapa pemerhati.

Kesimpulan mereka ialah wawasan, idea dan agenda Dr Mahathir terlalu anggun, sukar dan begitu pantas untuk dikejar oleh orang biasa.

Begitupun, adalah tidak adil jika mengatakan semua perbahasan itu berakhir dengan nada yang kurang bersemangat kerana sekurang-kurangnya perwakilan dari Kedah, Datuk Badruddin Amiruldin berjaya menarik perhatian umum.

Selain cerita kiasan menariknya yang disampaikan depan penuh kelucuan, beliau turut memperkenalkan isyarat menjentik sebagai satu simbol baru sehingga gajah yang besarpun terpaksa tunduk dan geleng kepala.

Tidak kurang penting daripada perhimpunan kali ini ialah sokongan padu yang diperoleh Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada `bossnya'.

Dr Mahathir secara terang-terangan memberitahu ahli Umno yang Anwar akan menerajui parti apabila beliau mengambil keputusan untuk mengundurkan diri dari pentas politik.

Biarpun tarikhnya mengundur diri belum ditetapkan, Presiden parti itu berkata, beliau bercadang untuk menyerahkan sepenuhnya Umno kepada Anwar supaya Umno tidak menjadi lemah.

Buat kali pertama di khalayak ramai, Anwar turut sempat `membersihkan' diri daripada fitnah surat layang dan surat terakhir ternyata amat mengguris perasaannya, kerana ia tidak dapat tidak sedikit sebanyak menjejaskan imejnya sebagai bakal pengganti Perdana Menteri.